

24/07/2002

Kesatuan Islam mampu pertahan ummah: Khatami

KUALA LUMPUR, Selasa - Iran percaya Kesatuan Islam dapat mewujudkan kuasa Islam bagi mempertahankan kepentingan umatnya dalam keadaan dunia kini yang amat menakutkan berikutan dasar Amerika Syarikat, terutama terhadap dunia Islam.

Presidennya, Sayyed Mohammad Khatami, berkata kesatuan itu yang akan menggembeng sumber ekonomi dan manusia negara Islam akan membantu mewujudkan pasaran dan mata wang bersama yang membolehkan kemajuan ekonomi dicapai dengan cepat dan mudah.

"Dalam dunia hari ini, semua kita perlu mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk mempertahankan hak dan jati diri kita dan asas kepada kekuatan ialah ilmu dan teknologi.

"Keupayaan yang dimiliki negara Islam adalah besar dan kita patut mendapat manfaat daripadanya dan menggunakannya sebaik mungkin.

"Saya percaya jika negara Islam berganding bahu mereka dapat mencapai pembangunan dengan lebih cepat dan pada kos yang rendah," katanya menerusi jurubahasa pada sidang akhbar di Hotel Mandarin Oriental di sini, hari ini.

Khatami yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke sini diminta mengulas mengenai cadangan yang dikemukakan pada pertemuan tertutup dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya petang semalam.

Dalam pertemuan itu, Khatami juga menyatakan minat Iran terhadap cadangan Dr Mahathir memperkenalkan penggunaan Dinar Emas sebagai mata wang pilihan dalam pembayaran perdagangan.

Khatami berkata, negara Islam kini tidak dapat bersatu atau membangunkan negara masing-masing kerana percanggahan pendapat dan pertelingkahan sesama sendiri kerana campur tangan kuasa asing.

Katanya, kuasa asing berkenaan tahu negara Islam yang memiliki kekayaan sumber alam dan manusia akan menjadi kuasa besar dunia jika bersatu sebagaimana yang dituntut ajaran Islam.

"Mereka tidak mahu kuasa sebegitu muncul di dunia ini," katanya sambil menambah kuasa Islam tidak akan menindas kuasa atau negara lain kerana Islam adalah agama perdamaian.

Khatami berkata, beliau percaya umat Islam di seluruh dunia kini mahukan perpaduan ummah bagi membina kekuatan dan mempertahankan kepentingan bersama.

Justeru, katanya, pemimpin negara Islam perlu memahami keadaan ini serta berusaha merealisasikan aspirasi rakyat masing-masing.

Sementara itu pada majlis makan tengah hari khas Forum Perniagaan Malaysia-Iran, Khatami juga mencadangkan penubuhan Inisiatif Teknologi Maklumat (IT) Trans-Asia bagi memanfaatkan dan memperluaskan pasaran teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Untuk itu, katanya, Iran mengharapkan pengalaman Malaysia dalam bidang berkenaan bagi menggariskan rangka kerja yang diperlukan.

"Langkah Iran memanfaatkan dan menggunakan ICT sepenuhnya akan menjurus kepada kerjasama lebih luas di antara kedua-dua negara. engan potensi yang begitu berharga dan melihat kepada keadaan geografi kedua-dua negara, saya ingin mencadangkan usaha sama bersama yang dipanggil Inisiatif IT Trans-Asia," katanya.